KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27.04.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	TNB			

270422

Teruskan atau tutup operasi pencarian bakal ditetapkan

Ipoh: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak akan mengadakan perbincangan dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam masa terdekat bagi menentukan sama ada akan meneruskan atau menutup operasi pencarian dua mangsa tertimbus dalam insiden runtuhan batu kuari di Keramat Pulai, Simpang Pulai di sini.

Pengarah JBPM Perak Azmi Osman berkata, operasi berkenaan secara dasarnya masih dilaksanakan oleh pemilik kuari berkenaan dan dilaksanakan dalam bentuk skala kecil.

"Operasi diperlahankan dan tidak lagi sebesar seperti peringkat permulaan, yang mana kita meletakkan seorang atau dua orang anggota setiap hari.

"Bagaimanapun, perbincangan akan diadakan dengan PDRM selaku komander operasi bagi kes berkenaan sama ada untuk meneruskan atau menghentikan operasi pencarian mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas hadir menyempurnakan majlis pelancaran Kempen Keselamatan Kebakaran di Pusat Membeli-belah, Pusat Hiburan dan Tempat Tumpuan Orang Ramai sempena Muslim Perayaan di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak Jafar Tajudin.

Azmi berkata, berdasarkan kepada peraturan kemungkinan besar ia boleh ditutup tetapi perlu melihat daripada pelbagai aspek terutama daripada sudut perundangan.

"Apabila hendak mengisytiharkan kehilangan seseorang itu dalam insiden, kita perlu merujuk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan," katanya.

Apabila ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak yang mempertikaikan kaedah teknikal operasi yang terlalu lama, beliau berkata, pasukannya bukan sahaja bertindak bersendirian tetapi sudah memanggil pakar tertentu seperti dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk membantu.

"Kepakaran mereka sudah terjemahkan dalam operasi berkenaan dengan membuat ketetapan di lokasi mana yang kita jangka.

"Tetapi malangnya sehingga kini masih belum ditemukan, bukan setakat mangsa berkenaan tetapi jangkaut digunakan mereka juga gagal ditemui," katanya.

Dalam kejadian jam 9.40 pagi 8 Mac lalu, dua mangsa yang tertimbus dalam insiden runtuhan kuari itu dikenal pasti sebagai Ham Bah Lasoh, 43, dan Kheow Loo Siew Soon, 49.